

## BAHAGIAN PELESENAN

### SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN STESYEN MINYAK / PUSAT SIMPANAN BAHAN GAS DAN BAHAN LETUPAN (EXPLOSIVE )

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
1.	Lokasi tempat / tapak hendaklah di zon industri atau perniagaan.
2.	Berpagar sekeliling 7 kaki (2.135 meter) jenis bahan :- 1. besi ( color bond, rust proof ) ditempat cuci kereta. 2. dinding konkrit ditempat simpanan bahan minyak, gas dan letupan.
3.	Stesyen minyak TIDAK mengganggu atau menghalang lalulintas.
4.	Aktiviti merbahaya / mencemar yang tidak dibenarkan:- 1. membaiki kereta ( buka enjin ) 2. kimpalan 3. semburan cat 4. mengetuk badan kereta
5.	Kelulusan pihak luar:- 1. Jabatan Alam Sekitar 2. Jabatan Bomba Pemilik stesyen minyak atau pembekal Utama (Shell, Esso, Bp, Mobil, Caltex dan sebagainya).
6.	Mengadakan tandas untuk orang awam = minima tandas pekerja dan pelanggan ( 20 orang seunit ).
7.	Mengadakan oil interceptor / separator dan silt-trap.
8.	Mengadakan bilik menunggu ( jika ada perkhidmatan servicing atau cuci kereta ).
9.	Mengadakan bilik stor berasingan bagi:- 1. makanan ( jika ada pasar mini ) 2. bukan makanan ( perkakas / peralatan ) 3. minyak dan sebagainya.
10.	Parit sekeliling hendaklah jenis 'glazed invert'.
11.	Pasar mini ( snack shop ) hendaklah mematuhi syarat-syarat premis makanan Unit Kesihatan, Jabatan Pelesenan Dan Penguatkuasaan.
12.	Tong sampah (free standing) hendaklah dipasang di :- 1. tiap-tiap petrol refueling kiosk 2. pejabat 3. washing bay, servicing area, tukaran, ujian tayar dan bilik 'battery charging'

BIL	PERKARA
13.	Mengadakan Bin Chamber (dengan tong besar) untuk:- 1. sampah sarap biasa 2. bahan guna semula
14.	Memasang papan tanda amaran “dilarang merokok” (ukuran 40smX50sm) , “merbahaya”, “mudah terbakar” dan sebagainya diseluruh kawasan stesyen minyak khasnya di petrol refueling kiosk dan tempat menyimpan petroleum dan gas.
15.	Mengadakan peralatan pencegahan kebakaran daripada kelulusan pihak Bomba.
16.	Mengadakan peti rawatan kecemasan ( first aid box ).
17.	Tidak dibenarkan mengadakan bilik tidur dan menjalankan aktiviti memasak.
18.	Sentiasa menjaga kebersihan persekitaran.